

**PAS menuntut tiga tindakan selesaikan konflik di Mesir**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 15 , 2013**

PAS mengutuk sekeras-kerasnya tindakan rejim tentera di Mesir yang bertindak kejam dan melakukan jenayah terhadap rakyatnya sendiri sehingga menyebabkan ratusan terkorban dan ribuan cedera parah dan menuntut tindakan tegas diambil.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) menuntut komuniti antarabangsa termasuk kerajaan Malaysia melaksanakan tiga tindakan untuk menangani masalah ini.

Pertama, semua pihak terutama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), OIC, Liga Arab mengecam tindakan kekerasan rejim tentera yang tidak sah itu dan seterusnya memberikan tekanan diplomatik terhadap mereka yang melaksanakan coup d'état terhadap kerajaan yang dipilih secara demokrasi pimpinan Presiden Dr Mohamed Morsi.

Kedua, pihak yang melakukan jenayah dan bertindak kejam terhadap penyokong Morsi disiasat oleh satu Suruhanjaya Bebas Antarabangsa supaya tindakan mengikut tatacara undang-undang dapat dilakukan.

Ketiga, kuasa yang diberikan oleh rakyat kepada Morsi mesti dikembalikan, manakala penyelesaian kepada krisis di Mesir perlu mengikut lunas demokrasi tanpa campur tangan asing dan pihak tentera.

Media melaporkan, lebih 2,000 sudah terkorban ekoran serangan yang dibuat oleh tentera terhadap penyokong bekas Presiden Morsi.

Di samping itu, hospital lapangan yang penuh dengan jenazah mangsa dibakar yang dipercayai untuk memusnahkan bukti.

Abdul Hadi, mengingatkan komuniti antarabangsa bahawa kegagalan menyelesaikan konflik di Mesir ini akan membawa akibat yang lebih buruk terhadap keamanan rantau Asia Barat kerana ianya akan melahirkan aktiviti tindakbalas yang lebih keras, di mana iklim politik, ekonomi dan keamanan dunia juga akan turut terjejas.

Sehubungan itu, PAS menyeru supaya semua penyokong dan ahli PAS, dan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan ini supaya menunjukkan solidariti dengan turut sama menyertai Himpunan Munajat Perdana 100k anjuran Dewan Pemuda PAS Pusat, Lajnah Antarabangsa PAS Pusat, bersama dengan parti-parti politik dan NGO dalam negara kita pada Sabtu 17 Ogos ini.

"Marilah kita terus bermunajat memohon kepada Allah SWT supaya kezaliman dihancurkan dan keamanan dikembalikan dalam konflik di Mesir ini," katanya dalam kenyataan itu. - 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-tuntut-tiga-tindakan-selesaikan-konflik-di-mesir>

